

Kerelevan Penerapan Latihan Berkonsep Al-Salām Dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES): Satu Tinjauan Awal

Mohd Norazri Mohamad Zaini¹

Che Zarrina Sa'ari²

Mohd Khairul Naim Che Nordin³

Mohd Solahuddin Shahruddin⁴

Mohd Annas Shafiq Ayob⁵

ABSTRAK

Islam merupakan sebuah agama yang bertunjangkan elemen al-salām dalam setiap prinsipnya dan ajarannya di dalam ketenteraan. Elemen al-salām telah menjadi prinsip teras Rasulullah SAW dalam setiap operasi bersenjata atau al-jihād bī al-silāḥ khususnya sebelum, semasa dan selepas operasi hasil daripada didikan yang mantap berlaku dalam periode Mekah dan Madinah. Selepas hampir 1400 tahun selepas kewafatan Rasulullah SAW, gerakan bersenjata telah berevolusi dan berkembang menjadi lebih kompleks dan canggih. Di Malaysia khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Awam terdapat badan beruniform yang berorentasikan ketenteraan iaitu unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang dikawal selia oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan majoriti daripada ahlinya adalah Bumiputera yang beragama Islam. Latihan unit PALAPES ini akan berlangsung selama tiga tahun menggunakan sibus ATM iaitu Manual Panduan Askar Wataniah melalui beberapa latihan seperti Latihan Tempatan, Latihan Berterusan dan Latihan Kem Tahunan yang perlu menjadi model pengaplikasian sebelum operasi bersenjata, agar sistem latihan ketenteraan. Selari dengan itu, kajian ini akan melihat pendekatan al-salam dalam penerapan latihan PALAPES. Kajian ini akan menggunakan metode kualitatif dan historis terhadap pengaplikasian elemen al-salām sewaktu zaman peperangan Rasulullah SAW. Hasil dapatan mendapati bahawa beberapa ciri-ciri persamaan kaedah sebelum operasi bersenjata Rasulullah SAW sememangnya telah wujud di dalam skim Latihan PALAPES, namun ia masih perlu dimurnikan agar bertepatan dengan eleman al-salām.

Kata Kunci: *al-salām, al-jihād bī al-silāḥ, unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), sibus ketenteraan.*

¹ Postgraduate Students, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya & Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam.

² Professor, Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

³ Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam.

⁵ Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.

PENDAHULUAN

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menyediakan platform badan beruniform di bawah kegiatan kurikulum seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), dan kini terdapat 20 IPTA yang menubuhkan unit PALAPES di markas cawangan masing-masing.⁶ Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) sebuah badan beruniform yang penting sebagai tunjang pertahanan negara serta wajar diberikan penekanan terhadap kualiti pengisian latihan para pelatih agar mampu meningkatkan bilangan Angkatan Sukarela/Wataniah (AS/AW) di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).⁷ Latihan PALAPES juga penting dan perlu diselaraskan dengan pengaplikasian *al-salām* kerana ia juga sebahagian daripada AS/AW yang mirip dengan Angkatan Tetap (AT) dan mampu mengambil alih tanggungjawab atau tenaga penganti kepada AT.⁸ Kewujudan dan kesiapsiagaan unit PALAPES sebagai tunjang pertahanan negara selari dengan firman Allah SWT:

Terjemahan: *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya*

Surah al-Anfal: 8: 60

Bersesuaian dengan konsep kesiapsiagaan berdasarkan pandangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan Muḥammad Rashīd Ridā, kewujudan pasukan dan latihan unit PALAPES ini merupakan sebahagian daripada tuntutan dalam Islam kerana ia merupakan sebagai usaha untuk mengekang ancaman peperangan dan menjaga kedaulatan negara daripada sebarang kemungkinan ancaman musuh.⁹

Dengan keterlibatan pelajar daripada kalangan Muslim, penerapan kaedah pengaplikasian konsep *al-salām* amat penting bagi mewujudkan sebuah angkatan bersenjata yang mempunyai intergriti, moral dan akhlak yang tinggi sesuai dengan konsep Islam. Penerapan konsep *al-salām* yang dinyatakan ini merupakan kaedah terbaik yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dan ia selari dengan manusia dan kemanusiaan. Namun begitu, kerangka asas konsep ini sebenarnya telah pun wujud di dalam persediaan dan latihan setiap unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Ini kerana neraca *nabawi* perlu diterapkan dalam latihan para pelatih PALAPES agar ia bukan semata-mata menyediakan persiapan diri dengan latihan ketenteraan yang bersifat dunia semata-mata.

Islam amat memandang tinggi profesi ketenteraan, khususnya bagi individu melibatkan diri secara langsung dengan latihan, persediaan, pertempuran, pulang sebagai jayanya ataupun yang gugur sebagai syahid. Pengaplikasian *al-salām* dalam sesuatu gerakan bersenjata sangat penting agar segala objektif peperangan atau jihad sentiasa dalam garisan serta acuan agama, agar ia pelaksanaannya sentiasa dibatasi dengan satu set perundangan atau garis panduan wahyu daripada Allah SWT dan

⁶ Rejimen Askar Wataniah: Tentera Darat, PALAPES, dilaman sesawang <http://aw.army.mil.my/index.php/pages/palapes> diambil pada 10 Jun 2023.

⁷ Kementerian Pertahanan (MINDEF), *Kertas Putih Pertahanan*, (Kuala Lumpur: MINDEF, 2020) 59

⁸ *Ibid*, 59-60

⁹ Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr al-Rāzī al-Musytahīr bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaīb*. (Kaherah: Dār al-Fikr, 1981) 15: 191-192. Dan Muḥammad Rashīd Ridā, *Tafsīr al-Qurān al-Ḥakīm al-Mushtahr bi Ism Tafsīr al-Manār*, (Kaherah, Dār al-Manār, 1947), 10: 69-70

petunjuk dari Rasulullah s.a.w. Ini berdasarkan sabda Baginda s.a.w.:

Terjemahan: *Perang itu ada dua, barangsiapa yang berperang untuk mengharapkan wajah Allah SWT, mentaati ketua, menyedekahkan barang berharga, bersikap lembut, dan mudah kepada kawan, menjauhi kerosakan di bumi, maka tidur dan jaganya akan mendapat pahala semuanya. Manakala yang berperang dengan bangga (sombong), riya', sum'ah, menyelisih ketua, membuat kerosakan di bumi, maka dia tidak akan kembali dengan membawa sebarang kecukupan (manfaat).*¹⁰

Riwayat Abī Dāwd, Hadis no. 2515

Pelaksanaan dasar agama dalam peperangan merupakan lambang ketelitian Islam agar objektif utama peperangan itu dicapai dengan korban yang paling minima serta bebas dari segi kerosakan, dan kemusnahan kepada jiwa dan harta benda. Dan inilah sebenarnya gesaan jihad yang dianjurkan di dalam Islam iaitu didasari dengan *al-salām* dengan segala hak dan keselamatan kepada orang awam, penempatan, aset-aset negara dihormati, malah penekanan terhadap jaminan terhadap musuh khususnya tawanan perang.

Konsep Al-Salām

Konsep kedamaian dan seruan kearahnya serta kemanusiaan adalah intipati agama Islam, ini kerana konsep *al-Islām* itu sendiri yang membawa pengertian sebagai penyerahan, kepatuhan, menuruti perintah serta seruan perdamaian kerana Islam itu didasari dengan penyerahan diri secara menyeluruh semata-mata kepada tuhan.¹¹ Pengistilahan konsep sejahtera atau aman, penerimaan dan juga membawa maksud tidak bersalah merupakan intipati kata dasar *al-salām* dan *salama*.¹² Choudhury menjelaskan bahawa konsep kedamaian dalam Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan keesaan Allah SWT atau *tauhid*. Ini bermakna konsep kedamaian dalam Islam mempunyai skop yang lebih luas di mana ia tidak terhad kepada kesejahteraan dunia ni semata-mata malah ia merangkumi kesejahteraan ukhrawi, dan inilah yang disebut sebagai *al-falah*.¹³

Konsep *al-salām* telah menggambarkan bahawa Islam adalah satu agama yang amat menitik beratkan soal keamanan dan kesejahteraan sebagaimana firman Allah SWT.¹⁴ Menurut Sayyīd Quṭb,¹⁵ HAMKA¹⁶ dan Muhammad Aashiq Madani¹⁷ Islam digambarkan sebagai sebuah solusi kearah konsep keselamatan dan kedamaian dalam setiap aspek kehidupan khususnya dalam keselamatan dan kedamaian manusia dan

¹⁰ Abī Dāwd Sulaymān bin al-Asy'āb al-Azdī al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwd*, Pentalqiq Syu'ab al-Arnā'uḍ, Muhammad Kāmil Qurah Ballī, (Damsyik: Dār al-Risālah al-'Ālamiyah, 2009) 4: 169-170. (*Kitāb al-Jihād, Bāb Fīman Yaghizū wa Yaltamisu al-Dunyā*, Hadis no. 2515)

¹¹ Muhammad Ibn Mukaram Ibn 'Alī Ibn Ahmad Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, t.t) 2081

¹² *Ibid*, 2077

¹³ Chaudhry, Muhammed Sharif, Fundamentals of Islamic economic system. *Burhan Education and Welfare Trust* 198 (1999): 339-350.

¹⁴ al-Maidah: 5: 16

¹⁵ Sayyīd Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-Shūruq, 2003) 2: 862-863

¹⁶ Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (HAMKA), *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2013) 3: 1670.

¹⁷ Muhammad Aashiq Elahi Muhajir Madani, *Tafsir Anwarul Bayan*, Terj. Mufti Afzal Hussain Elias (Karachi: Darul Ishaat, 2005) 2: 57-58

kemanusiaan.¹⁸ Terdapat hanya enam ayat al-Quran menunjukkan secara tepat perkataan *al-salām*, akan tetapi kata dasar *salama* pula diulang sebanyak seratus lima puluh lima kali pengulangan.¹⁹

Menurut Ibn Manzūr,²⁰ Rohī Ba’albakiy,²¹ Hans Wehr,²² Ibrahim Kalin²³ dan Alī Muhyiddin al-Qarahdaghi²⁴ membincangkan mengenai keluasan pengistilahan *al-salām* yang turut membawa kepada kepada konsep kesejahteraan dan keamanan serta persamaannya dengan konsep *al-‘adl*, *al-‘aman*, *al-sulh*, *al-ihsān*, *al-ra’fah*, *al-qisṭ* dan *al-rahmah*. Perkataan di dalam al-Qur’ān dalam pelbagai *wazan* ini sekiranya ditambah pada kalimah yang sinonim dengannya seperti *al-salām* dan bilangannya mencapai seribu ayat atau menyamai 1/6 daripada al-Quran.²⁵ Menurut al-Nawawī²⁶ dan Israr Ahmad²⁷ kesempurnaan iman tidak akan mampu tercapai jika tidak sifat pengasih, memberi penghormatan kepada sesama manusia, penyeru kedamaian ke atas seluruh alam di atas dasar seruan *al-salām* sehingga melahirkan rasa kasih dan cinta kepada sesama manusia kerana Allah SWT seperti sabda Rasulullah s.a.w.:

Terjemahan: *Kalian tidak akan masuk syurga sehingga kalian beriman. Dan kalian tidak beriman hingga kalian saling mencintai. Mahukah kalian aku tunjukkan pada sesuatu, jika dilaksanakan maka kalian akan saling mencintai? Sebarkanlah al-salām diantara kalian.*

Riwayat Muslim: Hadis no. 54²⁸

Dan bagaimana kedamaian dan kesejahteraan itu boleh terlaksana adalah dengan menjaga lidah dan tangan daripada menyakiti manusia lain (al-Tabrānī, 2008). Nabi s.a.w. bersabda :

Terjemahan: *Seorang Muslim itu adalah orang yang menjaga lidah dan tangannya daripada menyakiti Muslim yang lain.*

Riwayat al- Bukhārī: Hadis no. 6484²⁹

¹⁸ Sayyīd Qutb, *al-Salām al-‘Ālamī wa al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1993) 21-22

¹⁹ Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu’jam al-Mufahris li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, (Kaherah: Maṭba’ah Dār al-Kitāb al-Miṣriyyah, 1943) 355-358.

²⁰ Muhammad Ibn Mukaram Ibn ‘Alī Ibn Ahmad Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, t.t). 3: 140

²¹ Rohī Ba’albakiy, *al-Mawrid: Qamus Arabiy - Inkeliziy*, (Beirut: Dār al-Ilmi li al-Malayīn, 2002), Edisi 16, 641.

²² Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, (New York: Spoken Language Service, 1976) ed. J Milton Cowan, 425.

²³ Ibrahim Kalin, “Islam And Peace: A Survey Of The Sources Of Peace In The Islamic Tradition”, dalam *War And Peace In Islam: The Uses And Abuses Of Jihad*, (Jordan: MABDA, 2013) 223.

²⁴ Alī Muhyiddin al-Qarahdaghi, *Islam Agama Rahmah: Menanggapi Isu-isu Toleransi, Terorisme dan Demonstrasi*, terj. Furqan Abdullah. (Petaling Jaya: Ilham Books, 2017) 32

²⁵ ‘Alī Muhyiddin al-Qarahdaghi, *Islam Agama Rahmah: Menanggapi Isu-isu Toleransi, Terorisme dan Demonstrasi*, terj. Furqan Abdullah. (Petaling Jaya: Ilham Books, 2017) 2.

²⁶ al-Nawawī, *Syarḥ al-Nawawī ’Ala Muslim*, 130 (Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Annahu Lā Yadkhul al-Jannah Ilā al-Mu’mīnūn, Hadis ke 54)

²⁷ Israr Ahmad, *The Quran and World Peace*, (Pakistan: Markazi Anjuman Khuddam-ul-Qur’ān Lahore, 2002) 10-12

²⁸ al-Nawawī, *Syarḥ al-Nawawī ’Ala Muslim*, 130 (Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Annahu Lā Yadkhul al-Jannah Ilā al-Mu’mīnūn, Hadis ke 54)

²⁹ Abī ’Abd Allāh Muḥammad al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, (Riyadh: Maktabah al-Rushd, t.t) Hadis ke 6484.

Daripada perbincangan di atas, perjalanan seruan Islam kepada *al-salām* bermula daripada *Asmā' al-Husnā*,³⁰ nama Islam itu sendiri dan mesejnya,³¹ ucapan *al-salām* dan doa sehari iaitu memohon kedamaian, dan pengakhirananya mendapat syurga Dār *al-salām* (kedamaian)³² dan ia bertepatan dengan ayat al-Quran.³³ Oleh itu, pada dasarnya konsep *al-salām* amat berlawanan dengan istilah *al-harb* iaitu peperangan (*al-qital*) iaitu pembunuhan mahupun agama yang hanya menyeru kepada pasifisme.³⁴ Allah SWT berfirman:

Terjemahan: *Orang-orang "A'raab" berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (wahai Muhammad): Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: Kami telah (patuh tunduk kepada) Islam.*

al-Hujurat: 49: 14

Berdasarkan ayat di atas, golongan yang tidak mengenali kedamaian adalah sebahagian daripada Islam seperti menyeru kepada keganasan, peperangan, pembunuhan, rompakan, dan kezaliman³⁵ kerana kedamaian dan kesejahteraan bukan hanya kepada Muslim dan tetapi ke atas bukan Islam, kerana Allah SWT memberi pelindungan kepada manusia seluruhnya bahkan memberi minum anjing juga menyebab seseorang itu masuk ke dalam syurga, apatah lagi jika memberi bantuan kepada Muslim atau *ahl al-Dhimma* yang memerlukan.³⁶ Golongan yang masih belum mampu mencintai kedamaian dan belum tunduk patuh secara menyeluruh kepada Islam digambarkan sebagai golongan yang tidak sempurna imannya.³⁷ Sifat agama itu sendiri menyeru kearah kedamaian kerana tiada agama yang akan menyeru kepada keganasan dan peperangan.³⁸

Konsep *al-salām* itu sendiri adalah dasar utama pengaplikasian ajaran Islam dan sekiranya diasingkan dan ditinggalkan, maka akan terzahir kecacatan yang nyata. Maka semestinya golongan ini akan dikategorikan sebagai tersasar dari landasan Islam dan amat menyimpang daripada sunnah Rasulullah s.a.w dan ajaran al-Quran.³⁹ Manakala peperangan hanyalah pilihan yang terakhir di dalam Islam.⁴⁰

³⁰ Maulana Wahiduddin Khan, *Islam and World Peace*, (India: Goodword Books, 2015) 7

³¹ Yusuf al-Qardhawi, *Fiqh al-Jihad*, Terj. Fauwaz Fadzil, (Batu Caves: PTS Islamika. Sdn Bhd. 2013) 1: 433

³² 'Abdu'llāh Yūsuf 'Azzām, *Tarbiyyah Jihadiyah*, (Solo: Jazera, 2013) 1: 499.

³³ Yunus: 10: 25

³⁴ Muhammad 'Amārah, *Hadhā Huwa al-Islām* (2): *al-Samāḥah al-Islāmiyyah, al-Haqīqah al-Jihād.. wa al-Qitāl.. wa al-Irhāb*, (Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyah, 2005) 59-60, Muṣṭafā al-'Adawī, *Rudūd 'Alā Shubahāt Hawl al-Islām*, (Mekah: Dār al-Šāhīfah, t.t.) 152-154. Flamur Vehapi, *Peace and Conflict Resolution in Islam: Islamic Perspectives on War, Peace and Conflict Resolution*, (London: Ta-Ha Publishers Ltd., 2016) 53-55. Dan Mohammed Abu-Nimer, "A Framework for Nonviolence and Peacebuilding in Islam" dalam *Journal of Law and Religion*, 15 (1/2), 217-265.

³⁵ Ahmad bin Muhammad bin al-Šādiq al-Najār, *Islam Agama Kasih Sayang dan Keadilan*, Terj. Eko Suryaddin Zain, Kitab asal *al-Islām Dīn Rahmah wa 'Adl*, (Riyadh: Markaz Uṣul, t.t.) 20-21.

³⁶ 'Abdu'llāh 'Azzām seolah-olah menegur fatwa-fatwa yang melampaui batas seperti larangan doktor Muslim merawat bukan Islam, lebih-lebih lagi kepada bukan Islam yang patuh kepada kerajaan Islam. Sila rujuk 'Abdu'llāh 'Azzām, *Tarbiyyah Jihadiyah*, 1: 488-493

³⁷ Muhammad Ṭal'at al-Ghunumī, *Qānūn al-salām fī al-Islām*, (Iskandariah: al-Nashr al-Mashā'at al-Ma'ārif bi Iskandariyah, 1988) 23-24.

³⁸ Antony Adolf, "Monotheistic Peaces: Judaism, Christianity and Islam", dalam *Peace: A World History*, (Cambridge: Polity, 2009), 83-102.

³⁹ Naseem Akter, Arshad Munir dan Rozina Khattak, "Islam Does not Allow Terrorism" dalam *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 5(4), (2015), 27-32.

⁴⁰ Sayyīd Qutb, *al-Salām al-Ālamī wa al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1993) 21-22

Sejak di awal era penyebaran Islam ke seluruh Tanah Arab dan di sekitarnya, tiada paksaan dikenakan kepada manusia untuk menganutinya.⁴¹ Seruan Islam kepada *al-salām*, kerahmatan dan kedamaian telah diancam sejak periode Mekah sehingga muncul aktiviti ketenteraan pada periode Madinah. Berlaku transisi paradigma secara drastik pembawaan *al-salām* yang bersifat pasifisme kepada *al-salām* yang bersifat versatil dan fleksibel seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. akibat daripada ancaman dan gangguan secara kekerasan dan penindasan.⁴² Maka kedua-dua periode yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. secara metode *al-salām* ini wajar diperhalusi dan dibandingkan antara keduanya.

Bentuk-Bentuk Operasi Ketenteraan Sepanjang Sirah Rasulullah Saw Berdasarkan Kitab Utama Sirah

Dalam memahami konsep *al-salām* yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., beberapa kitab utama sirah perlu diteliti khususnya mengenai *al-maghazī* (ekspedisi peperangan Rasulullah) antaranya al-Wāqidī,⁴³ Ṣafiyy al-Rahmān al-Mubarakfūrī,⁴⁴ Ibn Kathīr,⁴⁵ Ibn Hishām,⁴⁶ Ibn Ishāq,⁴⁷ Muḥammad Sa’id Ramaḍān al-Būtī,⁴⁸ Muḥammad al-Khudrī Bik,⁴⁹ Ibn Athīr,⁵⁰ Ḥaṣṣān Ibrāhīm Ḥaṣṣān,⁵¹ Muḥammad bin Muḥammad al-‘Awājī,⁵² Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman⁵³ dan Tahia al-Ismail.⁵⁴

Dalam kajian terhadap kitab-kitab ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua kaedah utama operasi ketenteraan berteraskan *al-salām* iaitu secara defensif atau *al-difa'* sekiranya diancam, dan ofensif atau *al-talab* sekiranya mendapat maklumat terhadap ancaman yang mendatang iaitu melalui risikan⁵⁵ atau perutusan wahyu.⁵⁶

⁴¹ Javad Haghnavaz, “A Brief History of Islam (The Spread of Islam)” dalam International Journal of Business and Social Science, vol. 4 no. 17 (Disember 2013) 213-214.

⁴² Najīb Nūr al-Dīn, *al-Īslām Dīn al-Rahmah wa al-‘Adālah*, (Kuwait: al-Markaz al-Islāmī al-Thaqāfī, 2011) 79-80

⁴³ Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Umar al-Wāqidī, *Kitāb al-Maghazī li al-Wāqidī*, ed. Marsden Jones, (London: Oxford University Press, 1965)

⁴⁴ Ṣafiyy al-Rahmān al-Mubarakfūrī, *al-Raḥīq al-Makhtūm*, (Mansurah: Darul Wafaa’, 2010)

⁴⁵ Abu al-Fidā ‘Imād Ad-Dīn Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, (t.t.p. : Hajir li al-Tabā’ah wa al-Nashar wa al-Tawāzī’ wa al-i'lān, 1997)

⁴⁶ Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik Ibn Hishām, *al-Sīrah al-Nabāwiyyah Li Ibn Hishām*, Terj. Panel Penterjemah, (Batu Caves, al-Hidayah Publication, 2009)

⁴⁷ Muḥammad Ibn Ishāq bin Yasār, *Sīrah Rasūl Allāh*, Terj. A. Guillaume, The Life of Muhammad. A translation of Ishaq's 'Sirat Rasul Allah', (Pakistan: Oxford University Press, 1955)

⁴⁸ Muḥammad Sa’id Ramaḍān al-Būtī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyah Ma’ Mawjiz li Tārīkh al-Khilāfah al-Rāshidah*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1991)

⁴⁹ Muḥammad al-Khudrī Bik, *Nūr al-Yaqīn fī Sīrah Sayyid al-Mursalīn Muḥammad s.a.w.*, (Beirut: Dār al-īmān, 1988)

⁵⁰ Abū al-Ḥassan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Shaybānī/Ibn Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, (Beirut: Dār al-Kitab al-‘Ilmiyah, 1987)

⁵¹ Ḥaṣṣān Ibrāhīm Ḥaṣṣān, *Tārīkh al-Īslām*, (t.t.p. Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah, 1961)

⁵² Muḥammad bin Muḥammad al-‘Awājī, *Marwayāt al-īmān al-Zahrīy fī al-Maghāzi*, (Madinah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-Madīnah al-Munawwārah, 2004)

⁵³ Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman, *Ensiklopedia Perang Rasulullah*, (Shah Alam: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2017)

⁵⁴ Tahia al-Ismail, *The Life of Muhammad s.a.w.*, (London: Ta-Ha Publisher Ltd., 2006)

⁵⁵ Ṣafiyy al-Rahmān al-Mubarakfūrī, *al-Raḥīq al-Makhtūm*, (Mansurah: Darul Wafaa’, 2010) 274-275.

Dan rujuk juga Mahmūd Shākir, *al-Tārīkh al-īslāmī: Qabl al-Ba’thah wa al-Sīrah*, Edisi ke 8. (Beirut: Al-Maktab al-īslāmī, 2000), 164-172. Rujuk juga, Ahmed Mohsen al-Dawoody, *War In Islamic Law: Justifications And Regulations*, (Tesis Kedoktoran, School of Philosophy, Theology and Religion, College of Arts and Law, University of Birmingham, Ogos 2009) 64

⁵⁶ Muḥammad al-Ghazālī, *Fiqh al-Sīrah*, (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Hadīthah, 1965) 281-282

Menurut Martin Van Creveld⁵⁷ dan Mohammed Abu-Nimer⁵⁸ bahawa pelaksanaan *al-difa'* merupakan sebahagian daripada tema *al-salām* dan ia bertepatan dengan konsep kedamaian berdasarkan pandangan Barat dan Islam.

Berdasarkan Jadual 1, secara kesimpulannya sepanjang periode Madinah Rasulullah s.a.w. telah mengutus operasi *ghazwah* sebanyak 27 kali iaitu 12 secara *al-talab*, 12 secara *al-difa'*, 3 secara gandingan *al-talab* dan *al-difa'* sepanjang 10 tahun pemerintahan Baginda s.a.w. dalam memastikan keamanan Madinah dan sekitarnya sama ada berbentuk *al-difā'* atau *al-talab* atau pun kedua-duanya sekali. Manakala berdasarkan Jadual 2, operasi *sarriyah* pula berlaku sebanyak 27 kali iaitu 29 secara *al-talab*, 6 secara *al-difa'*, 4 secara gandingan *al-talab* dan *al-difa'* dan 23 secara Operasi Khas seperti Ibadah, Dakwah, Diplomasi dan Operasi Khas *al-talab* seperti memusnahkan berhala dan juga menghapuskan target tertentu.

Berikutnya merupakan ringkasan pengkaji kepada keseluruhan operasi *ghazwah* yang diikuti oleh Rasulullah s.a.w.:

Bil.	Jenis operasi	Ekspedisi atau Peperangan	
1.	Operasi <i>al-talab</i>	1. Ghazwah Banī Qaynuqā' 2. Ghazwah Banī Sulaym/ Qarārah al-Kudr 3. Ghazwah Ghaṭafān/ Dhu Amr 4. Ghazwah Ḥamrā' al-Asad 5. Ghazwah Banī Nadir 6. Ghazwah Banī Lihyān	7. Ghazwah al-Muraysī'/ Banī Muṣṭaliq 8. Ghazwah Khaybar 9. Ghazwah Dhāt al-Riqā' 10. Ghazwah Mu'tah/ Jaisy al-'Umarā' ⁵⁹ 11. Ghazwah Fathu Makkah 12. Ghazwah Tā'if
2.	Operasi <i>al-difa'</i>	1. Ghazwah al-Abwa' 2. Ghazwah Būwāt 3. Ghazwah Safwān/ Badr al-'Ulā 4. Ghazwah Dhī al-'Ushayrah 5. Ghazwah al-Sawwīq 6. Ghazwah Uhud 7. Ghazwah Najd	8. Ghazwah Badr al-Maw'id 9. Ghazwah al-Aḥzab/Khandaq 10. Ghazwah al-Ghābah/ Dhu al-Qard 11. Ghazwah Ḥunayn 12. Ghazwah Tabūk/ Jaisy al-'Usrah
3.	Operasi <i>al-talab</i> dan <i>al-difa'</i>	1. Ghazwah Badr al-Kubrā 2. Ghazwah Dūmat al-Jandal	3. Ghazwah Banī Qurayẓah

Jadual 1: Operasi *ghazwah* Rasulullah s.a.w. sepanjang periode Madinah

Berikutnya merupakan ringkasan pengkaji kepada keseluruhan operasi *sarriyah* yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w.:

Bil.	Jenis operasi	Ekspedisi atau Peperangan	
1.	Operasi <i>al-talab</i>	1. Sariyyah Muḥammad Maslamah 2. Sariyyah Buḥrān 3. Sariyyah al-Qaradah 4. Sariyyah Abī Salamah 5. Sariyyah Muḥammad Bin Maslamah/ al-Qurṭā' 6. Sariyyah Ukashah bin Miḥṣan 7. Sariyyah Abū 'Ubaydah al-Jarrāḥ/ Dhī al-Qaṣṣāḥ	17. Sariyyah Ghālib bin 'Abd Allah 18. Sariyyah 'Umar bin Khaṭṭāb 19. Sariyyah Bashīr bin Sa'ad 20. Sariyyah Ghālib bin 'Abd Allah 21. Sariyyah Bashīr bin Sa'ad 22. Sariyyah Abū Hadrad al-Aslāmī 23. Sariyyah Shujā' bin Wahb al-Āṣadī/al-Sayy 24. Sariyyah 'Amru bin al-'Āṣ/Dhāt al-Salāsil

⁵⁷ Martin Van Creveld, *The Culture of War*, (Gloucestershire: Spellmount, 2009) 253-269

⁵⁸ Mohammed Abu-Nimer, "A Framework for Nonviolence and Peacebuilding in Islam" dalam *Journal of Law and Religion*, jilid 15, No. 1/2 (2000 - 2001), 223-224


⁵⁹ Tidak disertai oleh Rasulullah s.a.w.

Kerelevan Penerapan Latihan Berkonsep Al-Salām Dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
(Palapes)

		8. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah/al-Jamum 9. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah/al-‘Iyṣ 10. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah/al-Ṭarf 11. Sariyyah Abū ‘Ubaydah al-Jarrāḥ /al-Khabat 12. Sariyyah ‘Alī bin Abī Ṭalib/Fadak 13. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah 14. Sariyyah Abū Bakr al-Ṣiddīq 15. Sariyyah Kurz bin Jābir al-Fihrī 16. Sariyyah Abān bin Sa’īd	25. Sariyyah Abū Qatādah Rib’ī al-Ānsārī/Khadirah, Najd 26. Sariyyah ‘Uyaynah bin Hisn al-Fazarī 27. Sariyyah Qutbah bin ‘Amr 28. Sariyyah Ukasyah bin Mihsan al-Asadī 29. Sariyyah Usāmah bin Zayd bin Ḥarithah
2.	Operasi <i>al-difa'</i>	1. Sariyyah Sayf Bahr 2. Sariyyah Rābigh 3. Sariyyah al-Kharrār 4. Sariyyah Muḥammad Bin Maslamah/Dhī al-Qaṣṣah	5. Sariyyah ‘Alqamah bin Mukhrīz/Mujazziz al-Mudlajī 6. Sariyyah Ghālib bin ‘Abd Allah al-Laythī
3.	Operasi <i>al-talab</i> dan <i>al-difa'</i>	1. Sariyyah al-Nakhlah 2. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah/al-Qura'	3. Sariyyah Zayd bin Ḥarithah/Hismā 4. Sariyyah Ibn Abū al-‘Aujā’ al-Sulamī
4.	Operasi Khas	i. Ibadah 1. ‘Umrah al-Ḥudaybiyah 2. ‘Umrah al-Qaḍā 3. Ibadah Hajji Abū Bakr al-Ṣiddīq ii. Operasi Khas <i>al-talab</i> 1. Sariyyah ‘Abd Allah bin Unays 2. Sariyyah Amr bin Umayyah al-Ḍamri 3. Sariyyah pembunuhan Abū Rāfi’ Sallām Bin Abī al-Huqayq 4. Sariyyah Abū Qatādah Rib’ī al-Ānsārī/Iḍam (Strategi peperangan) 5. Sariyyah Khālid bin al-Walīd (Musnah berhala) 6. Sariyyah Sa’ad bin Zayd al-Ashhalī (Musnah berhala) 7. Sariyyah ‘Amru bin al-‘Āṣ (Musnah berhala) 8. Sariyyah al-Ṭufayl bin ‘Amr al-Dausī (Musnah berhala) 9. Sariyyah ‘Alī bin Abī Ṭalib (Musnah berhala dan <i>al-talab</i>) 10. Sariyyah Abū Sufyān dan al-Mughīrah bin Syu’bah al-Thaqafī (Musnah berhala)	iii. Operasi dakwah 1. Sariyyah atau Delegasi al-Rajī’ 2. Sariyyah atau Delegasi Bir al-Ma’ūnah 3. Sariyyah ‘Abd al-Raḥman bin ‘Auf/Dūmat al-Jandal (Dakwah dan diplomasi) 4. Sariyyah Khālid bin al-Walīd (Dakwah dan <i>al-difa'</i>) 5. Sariyyah Dāḥak bin Sufyān al-Kilābī 6. Sariyyah Khālid bin al-Walīd/Najrān 7. Sariyyah ‘Alī bin Abī Ṭalib/Banī Madhhīj (Dakwah dan <i>al-difa'</i>) iv. Diplomasi 1. Sariyyah ‘Abd Allah bin Rawāḥah (Diplomasi dan <i>al-difa'</i>) 2. Sariyyah Ka’ab bin ‘Umayr al-Ghifārī/Dhāt Aṭlā’ (Diplomasi dan <i>al-difa'</i>) 3. Sariyyah Khalid bin al-Walīd

Jadual 2: Operasi *Sariyyah* Sepanjang Periode Madinah

Hasil daripada dapatan daripada Jadual 1 dan 2, pengkaji merumuskan operasi ketenteraan Rasulullah SAW sepanjang 10 tahun keberadaan Baginda SAW di Madinah adalah seperti berikut:




Rajah 1: Ringkasan operasi *ghazwah* dan *sariyyah* secara *al-difā'* atau *al-talab* sepanjang periode Madinah

Kaedah Pengaplikasian *Al-Salām* Sebelum, Semasa, Selepas Misi Operasi Ketenteraan Rasulullah SAW

Nabi Muhammad s.a.w. telah menggariskan beberapa kaedah sebelum, semasa, selepas dalam setiap operasi ketenteraan yang ingin dilaksanakan. Berikut merupakan dapatan pengkaji terhadap pengaplikasian *al-salām* yang diterapkan oleh Baginda s.a.w. dalam beberapa teks al-Qur'an dan Hadis. Garis panduan ini telah dibahagikan kepada tiga segmen utama iaitu:⁶⁰


1. Kaedah pengaplikasian *al-salām* sebelum operasi ketenteraan iaitu mengenalpasti matlamat peperangan, mengenal pasti musuh, memastikan jaminan perlindungan ditepati, pelaksanaan operasi risikan dan rondaan, penghapusan punca peperangan, pelaksanaan mesyuarat dan rancangan strategi, pelaksanaan wasiat dan arahan, latihan, kelengkapan logistik dan terakhirnya memastikan agar perajurit sentiasa cuba mengelak pertumpahan darah dan juga mengharapkan peperangan. (Rajah 2)

⁶⁰ Hasil dapatan kajian peringkat kedoktoran, Mohd Norazri Mohamad Zaini, *Analisis Pengaplikasian Al-Salam Dalam Gerakan Al-Jihad Bi Al-Silah Menurut Perspektif Pemikiran Islam*, (Tesis Kedoktoran, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2022-2023)




Rajah 2: Kaedah Pengaplikasian *al-salām* Sebelum Operasi ketenteraan

2. Kaedah pengaplikasian *al-salām* semasa operasi ketenteraan iaitu melazimi peringatan untuk membetulkan niat dan matlamat peperangan, pelaksanaan 3 seruan awal sebelum pertempuran, memastikan pelaksanaan dakwah sebelum pertempuran, pelaksanaan doa dan pengharapan kepada Allah SWT, melakukan serangan apabila diserang atau diancam, melaksanakan serangan psikologi dan helah, proses fleksibiliti ibadah, kerahsiaan, pelaksanaan polisi yang dapat memastikan angka korban yang minimum, pelaksanaan perjanjian damai, memastikan operasi dilaksanakan tanpa melampaui batasan dan beberapa pengecualian. (Rajah 3)



Rajah 3: Kaedah Pengaplikasian *al-salām* Semasa Operasi ketenteraan

3. Kaedah pengaplikasian *al-salām* selepas operasi ketenteraan ialah penamatan peperangan, post-mortem selepas peperangan, mengelakkan daripada mengejar musuh yang berundur, garis panduan apabila berlaku pengunduran, dan larangan kepada rompakan dan pengkhianatan. (Rajah 4)



Rajah 4: Kaedah Pengaplikasian *al-salām* Selepas Operasi ketenteraan

Palapes: Kerelevanan Latihan Berkonseptan *Al-Salām*

Penubuhan PALAPES adalah hasil daripada Peruntukan Perundangan berdasarkan Seksyen 196 Akta AT 1972, yang memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera (MAT) untuk menubuhkan pasukan-pasukan Sukarela.⁶¹ terdapat 20 buah IPTA dan 1 IPTS yang berkerjasama dengan ATM antaranya PALAPES UiTM yang bermatlamatkan latihan terhadap para pelajar IPTA dengan ilmu ketenteraan bagi membina insan berdisiplin dan bersemangat waja serta menjadi sumber tenaga pegawai lepasan IPTA bagi AT dan AS yang terlatih dalam bidang ketenteraan agar mengukuhkan pertahanan negara dan ketahanan nasional.⁶²

Secara ringkasnya silibus program PALAPES ini dikendalikan berdasarkan silibus latihan pegawai kadet AT di Kolej Tentera Darat (KTD) selama setahun, namun ia telah diubahsuai selama 3 tahun agar bersesuaian dengan jangka masa keberadaan mahasiswa/siswi IPTA dalam tempoh pengajian.⁶³ Pasukan ini telah dirancang agar melengkap 3 tahun proses pembelajaran silibus antaranya Latihan Tempatan (LT), Latihan Berterusan (LB) dan Latihan Kem Tahunan (LKT) seperti latihan membaca peta, menembak, kawad, ketenteraman awam, semboyan, dan aturgerak antaranya mara, berundur, serangan dan pertahanan.⁶⁴

Berdasarkan hasil penelitian awal terhadap beberapa latihan silibus PALAPES dan *Manual Panduan Askar Wataniah*,⁶⁵ menunjukkan matlamat penubuhan PALAPES itu sendiri telah memenuhi konsep *al-salām* iaitu merujuk kepada al-Hujurat: 49: 14. Selain itu, kewujudan elemen latihan yang berbentuk *al-difa'* (defensif) dan *al-talab* (ofensif) di dalam setiap latihan dalam peringkat iaitu LT, LB dan LKT merupakan gambaran pengaplikasian *al-salām*. Dan kandungan silibus latihan ini juga bertepatan dengan sebahagian besar daptan pada Rajah 2, 3, dan 4, akan tetapi kandungan silibus ini juga boleh ditambahbaik mengikut kerangka Rajah 2, 3, dan 4 serta ia perlu disesuaikan dengan kaedah peperangan moden dan terkini.

KESIMPULAN

Elemen *al-salām* merupakan bukti utama sifat realistik dan fleksibeliti ajaran Rasulullah SAW iaitu agama Islam. Malah tinjauan awal menunjukkan kewujudan elemen *al-salām* dalam silibus Latihan PALAPES menzhirkan lagi bahawa Islam bukanlah agama keganasan tetapi agama yang amat menitikberatkan soal keselamatan dan kesiapsiagaan dalam memastikan keharmonian dan kestabilan sesebuah negara berdaulat. Malah ini membuktikan bahawa ketenteraan boleh dipandu untuk memilih antara keganasan dan ekstrimisme atau kerahmatan dan kedamaian. Nabi Muhammad SAW sendiri selaku ketua panglima perang memberi contoh teladan yang baik agar diikuti oleh perajurit yang lain, dan ini amat bertepatan dengan matlamat penubuhan PALAPES iaitu untuk melatih pegawai-pegawai tentera yang mempunyai sahsia yang

⁶¹ *Manual Panduan Askar Wataniah* (MM 15.1.1A TD) (Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia, 2006) 1:1

⁶² *Ibid*, 1: 6-7 dan rujuk juga Rejimen Askar Wataniah: Tentera Darat, *PALAPES*, dilaman sesawang <http://aw.army.mil.my/index.php/pages/palapes> diambil pada 10 Jun 2023

⁶³ *Manual Panduan Askar Wataniah* (MM 15.1.1A TD) (Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia, 2006) 1:8

⁶⁴ *PALAPES UiTM*. (2022). “Perihal Tentang Kami”. <https://palapes.uitm.edu.my/Mengenai.html> diambil pada 20 September 2022 dan rujuk juga *PALAPES USIM*. (2022). “Latihan”. <https://palapes.usim.edu.my/web/3363-2/> diambil pada 20 September 2022

⁶⁵ *Manual Panduan Askar Wataniah* (MM 15.1.1A TD) (Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia, 2006)

tinggi dengan mengamalkan sikap positif dalam memimpin dan menjadi contoh bagi perajurit di bawah pimpinannya. Metodologi wahyu (al-Quran dan al-Hadith) turut membahaskan tatacara latihan ketenteraan menurut Islam dalam memastikan kekuatan fizikal sentiasa diselaraskan dengan kekuatan rohani dan mental agar bersesuaian dengan kehendak Tuhan dan agama. Seterusnya, dalam usaha memperkembangkan dan meningkatkan tahap keprofesionalisme PALAPES, penerapan *al-salam* boleh diberi perhatian secara serius.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Dalaman (GPD) ACIS 2022 iaitu 100-ACIS (PT.9/19) daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Semoga pembiayaan ini akan menjadi pemangkin untuk terus berkhidmat demi agama, bangsa dan negara.

RUJUKAN

- ‘Abdu’llāh Yūsuf ‘Azzām, Tarbiyyah Jihadiyah, (Solo: Jazera, 2013) 1: 499.
Abī ‘Abd Allāh Muḥammad al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Riyadh: Maktabah al-Rushd, t.t.) Hadis ke 6484.
- Abī al-Qāsim Sulaymān Aḥmad al-Ṭabrānī, al-Mu’jam al-Kabīr, (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah, 2008) 20: 37-38
- Abī Dāwd Sulaymān bin al-Asy’āb al-Azdī al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwd, Pentaḥqiq Syu’ab al-Arnā’ud, Muhammad Kāmil Qurah Ballī, (Damsyik: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah, 2009) 4: 169-170. (*Kitāb al-Jihād, Bāb Fīman Yaghizū wa Yaltamisu al-Dunyā*, Hadis no. 2515)
- Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Umar al-Wāqidī, Kitāb al-Maghazī li al-Wāqidī, ed. Marsden Jones, (London: Oxford University Press, 1965)
- Abu al-Fiḍā ‘Imād Ad-Din Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, (t.t.p. : Hajir li al-Tabā’ah wa al-Nashar wa al-Tawazī’ wa al-i’lān, 1997)
- Abū al-Ḥassan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Shaybānī/Ibn Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, (Beirut: Dār al-Kitab al-‘Ilmiyah, 1987)
- Abū Ja`far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *The History of al-Ṭabarī: Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Terj. W. Montgomery Watt dan M. V. McDonald, (Albany: State University of New York Press, 1987)
- Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik Ibnu Hishām, *al-Sīrah al-Nabāwiyyah Li Ibnu Hishām*, Terj. Panel Penterjemah, (Batu Caves, al-Hidayah Publication, 2009)
- Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī, *al-Manhāj fī Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajāj Syarḥ al-Nawawī’Ala Muslim*, (Amman: Bayt al-Afkār al-Dawlīyat, 2000), 130 (*Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Annahu Lā Yadkhul al-Jannah Ilā al-Mu’mīnūn*, Hadis ke 54)
- Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman, *Ensiklopedia Perang Rasulullah*, (Shah Alam: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2017)
- Aḥmad bin Muḥammad bin al-Ṣādiq al-Najār, *Islam Agama Kasih Sayang dan Keadilan*, Terj. Eko Suryaddin Zain, Kitab asal al-Īslām Dīn Rahmah wa ‘Adl, (Riyadh: Markaz Uṣūl, t.t.) 20-21.
- Alī Muhyiddin al-Qarahdaghi, *Islam Agama Rahmah: Menanggapi Isu-isu Toleransi, Terorisme dan Demonstrasi*, terj. Furqan Abdullah. (Petaling Jaya: Ilham Books, 2017) 32.
- Antony Adolf, “Monotheistic Peaces: Judaism, Christianity and Islam”, dalam *Peace: A World History*, (Cambridge: Polity, 2009), 83-102.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr al-Rāzī al-Musytahīr bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaīb*. (Kaherah: Dār al-Fikr, 1981) 15: 191-192.
- Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (HAMKA), *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2013) 3: 1670.

- Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, (New York: Spoken Language Service, 1976) ed. J Milton Cowan, 425.
- Haşsan Ibrāhīm Haşsan, *Tārīkh al-Islām*, (t.tp: Maktabah al-Nahdah al-Maşriyyah, 1961)
- Ibrahim Kalin, "Islam And Peace: A Survey Of The Sources Of Peace In The Islamic Tradition", dalam *War And Peace In Islam: The Uses And Abuses Of Jihad*, (Jordan: MABDA, 2013) 223.
- Israr Ahmad, The Quran and World Peace, (Pakistan: Markazi Anjuman Khuddam-ul-Qur'an Lahore, 2002) 10-12
- Javad Haghnavaz, "A Brief History of Islam (The Spread of Islam)" dalam *International Journal of Business and Social Science*, vol. 4 no. 17 (Disember 2013) 213-214.
- Kementerian Pertahanan (MINDEF), *Kertas Putih Pertahanan*, (Kuala Lumpur: MINDEF, 2020) 59-60
- Kerana peperangan hanyalah jalan akhir Islam selepas dakwahnya terhalang. Sila rujuk Sayyīd Qutb, *al-salām al-Ālamī wa al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1993) 21-22
- Martin Van Creveld, *The Culture of War*, (Gloucestershire: Spellmount, 2009) 253-269
- Maulana Wahiduddin Khan, *Islam and World Peace*, (India: Goodword Books, 2015) 7
- Muhammad Aashiq Elahi Muhamajir Madani, *Tafsir Anwarul Bayan*, Terj. Mufti Afzal Hussain Elias (Karachi: Darul Ishaat, 2005) 2: 57-58
- Muhammad al-Ghazālī, *Fiqh al-Sīrah*, (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Hadīthah, 1965) 92-93.
- Muhammad al-Khudrī Bik, *Nūr al-Yaqīn fī Sīrah Sayyid al-Mursalīn Muḥammad s.a.w.*, (Beirut: Dār al-Īmān, 1988)
- Muhammad bin Muhammad al-'Awājī, *Marwayāt al-Imām al-Zahrīy fī al-Maghāzi*, (Madinah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-Madīnah al-Munawwārah, 2004)
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, (Kaherah: Maṭba'ah Dār al-Kitāb al-Miṣriyyah, 1943) 355-358.
- Muhammad Ibn Ishāq bin Yasār, *Sīrah Rasūl Allah*, Terj. A. Guillaume, The Life of Muhammad. A translation of Ishaq's 'Sirat Rasul Allah', (Pakistan: Oxford University Press, 1955)
- Muhammad Ibn Mukaram Ibn 'Alī Ibn Aḥmad Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, t.t) 2081
- Muhammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qurān al-Hakīm al-Mushtahr bi Ism Tafsīr al-Manār*, (Kaherah, Dār al-Manār, 1947), 10: 69-70
- Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būtī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyah Ma' Mawjiz li Tārīkh al-Khilāfah al-Rāshidah*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1991)
- Muhammad Ṭal'at al-Ghunumī, *Qānūn al-salām fī al-Islām*, (Iskandariah: al-Nashr al-Mashā'at al-Ma'ārif bi Iskandariyah, 1988) 23-24.
- Najīb Nūr al-Dīn, *al-Islām Dīn al-Rahmah wa al-'Adālah*, (Kuwait: al-Markaz al-Islāmī al-Thaqāfi, 2011) 79-80
- Naseem Akhter, Arshad Munir dan Rozina Khattak, "Islam Does not Allow Terrorism" dalam *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 5(4), (2015), 27-32.
- PALAPES UiTM. (2022). "Perihal Tentang Kami". <https://palapes.uitm.edu.my/Mengenai.html> diambil pada 20 September 2022
- PALAPES USIM. (2022). "Latihan". <https://palapes.usim.edu.my/web/3363-2/> diambil pada 20 September 2022
- Rohī Ba'albakiy, *al-Mawrid: Qamus Arabiy - Inkeliziy*, (Beirut: Dār al-Ilmi li al-Malayīn, 2002), Edisi 16, 641.
- Şafiyy al-Rahmān al-Mubarakfūrī, *al-Raḥīq al-Makhtūm*, (Mansurah: Darul Wafaa', 2010) 185
Sayyīd Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2003) 2: 862-863 dan Sayyīd Qutb, *al-salām al-Ālamī wa al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1993) 38
- Tahia al-Ismail, *The Life of Muhammad s.a.w.*, (London: Ta-Ha Publisher Ltd., 2006)
- Yusuf al-Qardhawi, *Fiqh al-Jihad*, Terj. Fauwaz Fadzil, (Batu Caves: PTS Islamika. Sdn Bhd. 2013) 1: 433